



APPLIED HISTORY JOURNAL OF MERONG MAHAWANGSA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/ahjmm>

How to cite this article:

Omar Othman (2024). Implikasi gerakan pemisahan terhadap politik Perlis abad ke-19 dan ke 20. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 2, 110-131. <https://doi.org/10.32890/ahjmm2024.2.8>

IMPLIKASI GERAKAN PEMISAHAN TERHADAP POLITIK PERLIS ABAD KE-19 DAN KE-20

*(The Implications of the Secession Movement on the Politics of Perlis
in the 19th And 20th Centuries)*

¹Omar Othman

¹Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Kubang Pasu
Bukit Kayu Hitam, Kedah, Malaysia

¹Corresponding author: g-33070263@moe-dl.edu.my

Received: 14/3/2024

Revised: 26/8/2024

Accepted: 9/9/2024

Published: 12/9/2024

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan tentang gerakan pemisahan oleh Perlis dari Kedah bermula pada abad ke-19 dan 20. Istilah dalam kajian ini menggunakan terma “*secession*” merujuk kepada tindakan Perlis yang mahu memisahkan dirinya daripada kuasa pusat untuk memperoleh autoriti pemerintahan sendiri. Objektif yang ingin dicapai dalam penyelidikan ini adalah untuk mengkaji gerakan pemisahan Perlis dari Kedah dan kesan terhadap aspek politik di Perlis. Penyelidikan ini menggunakan kaedah sejarah dengan pendekatan kuantitatif dan kualitatif berpandukan kepada sumber primer dan sekunder. Dapatan penyelidikan ini menunjukkan agenda pemisahan oleh Perlis yang melibatkan Siam dan British telah mempengaruhi sistem politik dan pentadbirannya. Melalui penerimaan Penasihat Kewangan di Perlis, organisasi gerakan pemisahan negeri ini semakin mantap jika dibandingkan dengan gerakan pemisahan

di tempat-tempat lain. Namun, dalam aspek pentadbiran dilihat urus tadbir negeri Perlis masih melibatkan Kedah terutamanya berkaitan hal ehwal jabatan-jabatan kerajaan tertentu..

Kata kunci: Perlis, Gerakan Pemisahan, Kedah, British, Siam

ABSTRACT

This study discusses the secession movement by Perlis from Kedah beginning in the 19th & 20th centuries. The term in this study uses "secession" to refer to the action of Perlis who wanted to separate itself from the central power to gain self-governing authority. The objective to be achieved in this research is to study the separation movement of Perlis from Kedah and the impact on the political issues. This research uses historical methods with quantitative and qualitative approaches guided by primary and secondary sources. The findings of this research show that the secession agenda by Perlis involving Siam and British have influenced its political and administrative system. Through the acceptance of the Financial Adviser in Perlis, the organization of the secession movement in the state has become stronger compared to the other places. However, in terms of administration, it is seen that Perlis state governance still involves Kedah, especially concerning the affairs of certain government departments.

Keywords: Perlis, Secession movement, Kedah, British, Siam.

PENGENALAN

Usaha pemisahan wilayah yang wujud di Tanah Melayu dari kuasa pentadbiran pusat bukanlah suatu perkara yang janggal. Perkara ini boleh dirujuk berdasarkan gerakan yang berlaku di beberapa negeri seperti di Johor, Kelantan dan Pulau Pinang (Mohd Noordin Sopiee, 1973). Terma yang digunakan dalam membincangkan "pemisahan" juga sering menjadi perdebatan. Hal ini kerana setiap terma yang digunakan membawa maksud tersendiri dan menggambarkan hujah seseorang sarjana dari awal hingga ke akhir penulisannya. Namun, seperti gerakan pemisahan lain di Tanah Melayu, istilah "*secession*" (Beran, 1984) merupakan terma yang tepat berbanding "*separatism*" (Heraclides, 1992) untuk membincangkan gerakan pemisahan (*secession movement*) ini.

Selain negeri-negeri yang dinyatakan diatas, di Kedah juga telah berlaku pemisahan melibatkan wilayah-wilayah negeri tersebut pasca Perang Kedah-Siam (1921-1942) (Richard, 1923). Akibatnya, Kedah dipecahkan kepada empat pemerintahan iaitu Kedah, Kubang Pasu, Setul dan Perlis. Pemecahan itu wujud kerana peranan yang dimainkan oleh pembesar di negeri Jelapang Padi ini dan mereka diberikan autoriti mentadbir kawasan masing-masing terpisah dari induknya. Dalam tempoh sebelum tamat perang tersebut sebenarnya telah wujud satu usaha oleh pentadbir di salah sebuah wilayah kekuasaan Kedah iaitu Perlis untuk membentuk pengaruh entiti politik berasingan (Buyong Adil, 2019). Kewujudan Perlis pada dasarnya merupakan usaha melalui gerakan yang bermatlamat memastikan Kedah tidak menyerap kembali wilayahnya itu dan meneruskan pemerintahan Wangsa Jamalullail di negeri

Indera Kayangan tersebut. Gerakan yang dimaksudkan ini ialah gerakan pemisahan Perlis dari Kedah.

Dalam konteks perbincangan mengenai isu Perlis-Kedah ini, terma gerakan pemisahan yang digunakan dan lebih tepat ialah *secession* seperti gerakan seumpamanya di negeri-negeri lain di Tanah Melayu. Selepas pemecahan (*dissolution*) Kedah kepada empat wilayah dan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II (1804-1845) kembali bertakhta, Kedah menjadi sebuah negeri yang stabil dan berjaya mengekalkan kemerdekaannya buat sementara waktu sebelum dikuasai oleh British dan Siam semula (Mardiana Nordin, 2012, seperti yang dirujuk dalam Abdullah Zakaria Ghazali & Mardiana Nordin, 2012). Keadaan ini merupakan situasi terbaik mengikut Sharom Ahmat berbanding situasi sebelum perang yang disebut sebagai tempoh “perbalahan dan persaingan kuasa dalam kalangan kerabat diraja” (Sharom Ahmat, 1984). Oleh itu, pentadbir negeri dan kerabat diraja Kedah berusaha gigih untuk memastikan kawasan yang diperintah oleh keturunan Jamalullail itu disatukan semula dengan Kedah seperti Kubang Pasu. Hal ini berikutan kestabilan di Kedah dan mendakwa pemerintah Perlis tidak layak mendapatkan hak pemerintahan kerana bukan berketurunan salasilah Kedah. Di pihak keluarga diraja Perlis pula, mereka merasakan hak dan pertabalan yang disahkan oleh Raja Siam serta sokongan para pembesar tempatan sudah membuktikan negeri itu rasminya ditadbir oleh keturunan Jamalullail. Melalui tindakan Perlis dan respons oleh Kedah, satu petunjuk dalam mengesan wujudnya gerakan telah dikenalpasti. Hal ini kerana, prasyarat dalam menentukan sesebuah wilayah itu menjalankan pemisahan dengan induknya ialah pertama; wilayah yang mahu berpisah tersebut cuba mendapatkan pengesahan kerajaan luar selain daripada kuasa pusatnya dan kedua; kuasa pusat memberi respons atau tindak balas kepada gerakan pemisahan ini (Heraclides, 1992). Selain daripada klasifikasi terhadap Perlis yang telah menjalankan gerakan pemisahan, didapati kes di Perlis menarik kerana usaha pemisahannya berlaku secara berterusan walaupun telah berjaya memperoleh hak autonomi politik. Hal ini demikian kerana Kedah sentiasa berusaha mendapatkannya kembali dengan mengambil tindakan sama seperti Perlis iaitu menggunakan pengaruh dari Siam dan British.

Isu Kedah - Perlis menjadi tumpuan kerana ia merupakan negeri tunggal dalam kalangan tiga bekas daerah Kedah yang mampu bertahan dan kekal sehingga hari ini menjadi sebuah negeri. Dari segi kekuatan ekonomi Perlis yang mampu menyara diri termasuk menampung raja dan kerabat dengan sumber yang tidak seberapa itu bukanlah perkara yang mudah. Hal ini telah membawa Perlis seakan-akan mengikut jejak “induknya” untuk menjerat diri dengan hutang. Malahan, terdapat pakatan di antara pegawai British dengan kerajaan Perlis supaya menyembunyikan maklumat tentang kedudukan kewangannya dari pengetahuan Kedah. Perlis dilihat cuba bersaing dari aspek ekonomi dengan Kedah walaupun usaha mereka tidak membuahkan hasil (Hammer & Allen, 1929). Oleh itu, kajian Kesan Gerakan Pemisahan Perlis dari Kedah, pada abad ke-19 dan abad-20 akan mengkaji dan menganalisis usaha Perlis memelihara kedaulatannya dengan mengekang campur tangan Kedah hingga memberi impak kepada perkembangan survival institusi politik negeri tersebut.

KAJIAN LITERATUR

Dasawarsa kebelakangan ini, penyelidikan berkaitan gerakan pemisahan Perlis dari Kedah dilihat kurang mendapat perhatian oleh para penyelidik luar dan tempatan. Sebaliknya banyak penyelidikan dilihat memfokuskan berkaitan hubungan antara kedua-dua negeri tersebut yang

dilihat tidak menyentuh dengan jelas berkaitan gerakan pemisahan yang berlaku pada abad ke-19 dan 20. Misalnya penyelidikan yang dilakukan oleh Mohd Firdaus Abdullah dan Arba'iyah Mohd Noor menunjukkan kebergantungan Perlis terhadap sumber air mentah dari Kedah iaitu Sungai Muda sehingga kini. Berikutan skop masa kajian ini sekitar tahun 1960-an hingga 1970-an, ia jelas sekali tidak menyentuh dengan terperinci hubungan Kedah – Perlis sebelum tempoh 1960-an. Akan tetapi, kewujudan kerjasama selepas zaman penjajahan ini merupakan gambaran situasi kerjasama antara kedua-dua negeri sejak 1841 dalam aspek-aspek lain terutama hal ehwal berkenaan isu sosioekonomi dan pentadbiran (Mohd Firdaus Abdullah & Arba'iyah Mohd Noor, 2018, 2019, 2020; Mohd Firdaus Abdullah, 2021). Dalam masa yang sama, Mohd Firdaus Abdullah dan Zaiton Zakarya (2022) turut menyatakan bahawa kebergantungan negeri Perlis terhadap sumber air dari Kedah dilihat kekal sehingga kini apabila sumber air mentah dari Sungai Muda kekal terus digunakan meskipun perjanjian bekalan air dengan Kedah telah berakhir pada tahun 1998/1999. Manakala Mohd Izwan Izhar bin Haris, Abdul Rahman Abdul Manaf dan Mohd Kasturi Nor Abdul Aziz telah menggunakan terma pemisahan kekal di antara Setul dan Perlis dengan induk asalnya iaitu Kedah. Malah mereka dilihat turut menyatakan sememangnya British yang berhasrat untuk menyatukan kembali Perlis ke dalam Kedah ekoran supaya pentadbiran dapat diselaraskan dan dijamin serta dapat mengurangkan jumlah hutang yang dihadapi oleh kedua-dua negeri tersebut (Mohd Izwan Izhar Haris, Abdul Rahman Abdul Manaf, & Mohd Kasturi Nor Abdul Aziz, 2016).

Muhammad Safwan Mohd A'seri pula menghasilkan penulisan berkaitan Perlis dalam Teks-teks Melayu: Suatu Penelitian Awal. Kajian ini mengenalpasti kewujudan kisah Perlis di dalam catatan orang tempatan yang dikelompokkan oleh beliau sebagai catatan bersifat istana sentrik. Safwan dalam penulisannya tidak menyentuh berkenaan peranan British seperti kajian-kajian lain. Hanya kewujudan Perlis dikaitkan dengan tindakan dan pengaruh Siam serta tidak ditonjolkan gerakan penyatuan melibatkan usaha kerabat dan pembesar Kedah yang mahukan kembali wilayah penting mereka iaitu Kayang atau Perlis menjadi sebahagian dari Kedah (Muhammad Safwan Mohd A'seri, 2014). Hussain Baba bin Mohamad pula menyatakan tindakan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II ibni Almarhum Sultan Abdullah Mukarram Shah (1804-1845) menganugerahkan Perlis kepada Syed Hussein Jamalullail kerana membantu Tunku Anum Tunku Abdul Rahman membebaskan Kedah dari jajahan Siam (Hussain Baba Mohamad, 1969). Hal ini turut disokong oleh Buyong Adil yang menyatakan Perlis ialah hadiah daripada Sultan Kedah. Ia merupakan balasan kepada jasa Syed Hussein berusaha mendaulatkan Kedah daripada ancaman tentera Siam-Ligor (Buyong Adil, 2019). Sememangnya, kelompongan yang ditinggalkan oleh kajian terdahulu akan diisi melalui penyelidikan ini yang akan memfokuskan berkaitan gerakan pemisahan Perlis dari Kedah pada abad ke-19 dan 20 dan kesannya terhadap aspek politik di Perlis.

Kajian yang menyeluruh dan terperinci berkenaan usaha Perlis membina identiti kerajaannya dihasilkan oleh Julie Tang Su Chin melalui penulisannya iaitu *Sejarah Kerajaan Perlis 1841-1957*. Ia menonjolkan peranan raja Perlis dan pembesar membentuk keperibadian politik negeri itu. Julie menonjolkan kebijaksanaan pemerintah Perlis yang dikatakan memanipulasi pesaing dan *superior power* yang ada dan akhirnya berjaya mempertahankan serta mengekalkan autonominya (Julie Tang Su Chin, 2002). Kajian yang begitu teliti mengenai sejarah Perlis ini dikupas dengan kritikal oleh Julie. Namun, *Sejarah Kerajaan Perlis* yang dihasilkan ini tidak memberi fokus yang konsisten berkenaan situasi awam di negeri tersebut. Lompang juga wujud pada kupasan Zaman Pendudukan Jepun serta kembalinya pengaruh

Siam sekitar 1943. Julie tidak membincangkan dengan terperinci tempoh yang singkat tersebut dan lebih memfokuskan peranan British dalam pembinaan kerajaan Perlis termasuklah peristiwa selepas Perang Dunia Kedua. Beliau tidak menekankan berkenaan gerakan pemisahan, tetapi menggunakan terma gerakan bersaing atau berlumba-lumba yang dilaksanakan Perlis terhadap Kedah.

KEMUNCULAN GERAKAN PEMISAHAN PERLIS DARI KEDAH

Perbincangan mengenai gerakan pemisahan yang wujud di Perlis begitu unik kerana ia merupakan tindakan mengasingkan diri dari kuasa pusatnya iaitu Kedah. Akan tetapi, pemerintah Perlis sanggup berkolaborasi dengan pihak luar. Tindakan ini juga ditermakan oleh sarjana sains politik dan hubungan antarabangsa sebagai *irredentist movement* iaitu tindakan sesebuah wilayah yang mahu berpisah daripada kuasa pusatnya bukan berhasrat ingin merdeka sepenuhnya tapi ingin bernaung di bawah kuasa negeri jiran (Heraclides, 1992). Hal ini jelas sekali merujuk kepada Siam, merupakan kuasa luar yang ditarik pada awalnya oleh Perlis dalam menjayakan gerakan pemisahan tersebut. Peranan yang dimainkan oleh kuasa luar ini telah menimbulkan impak kepada negeri Perlis dan rakyatnya.

Sebagaimana penerangan ringkas sebelum ini mengenai gerakan pemisahan oleh Perlis dari Kedah, istilah yang digunapakai ialah *secession*. Terma ini dilihat begitu secocok dengan kes Perlis melalui pemisahan diri dari bekas induknya. Namun, satu perkara yang unik tentang Perlis ialah kerana ia masih dibayangi oleh hubungan dengan Kedah dalam banyak hal. Malah, perbincangan mengenai gerakan pemisahan Perlis dari Kedah juga boleh dikelompokkan sebagai *secessionist-merger movement* yakni terma yang sama dengan *irredentist movement* tetapi ditekankan istilah "*secession*" dalam frasanya. Istilah ini merujuk kepada kaedah menjalinkan hubungan dengan pihak lain dengan menuntut pembebasan dari kuasa pusat.

Dalam kes Kedah-Perlis ini, interaksi sesama sendiri hanya berseteru melibatkan politik sahaja. Ini kerana, wujud ikatan antara kedua-dua negeri ini melalui perkahwinan dari semasa ke semasa yang sukar memisahkan jalinan Perlis dan Kedah. Model, acuan dan tindakan dalam pentadbiran oleh Kedah juga banyak ditiru oleh Perlis dalam memastikan mereka kelihatan setara dan mampu bersaing dengan Kedah (Julie Tang Su Chin, 2002).

Gerakan pemisahan Perlis ini diteliti tiada mempunyai perkaitan dengan mana-mana gerakan pemisahan (*separatism movement*) di tempat lain. Kesnya unik dan tidak boleh disamakan dengan tempat lain terutamanya dari segi kejayaan, pembinaan sistem beraja dan juga hubungan dengan bekas kuasa pusatnya. Sekiranya mahu disamakan, ia hanya sekadar konsep gerakan yang berlaku. Malah, gerakan serupa yang berlaku di Tanah Melayu selepasnya juga diteliti tidak mempunyai hubungan langsung dari segi pelaku sejarahnya ataupun pengaruh idealism (Mohd Zamberi A. Malek, 1993; M. Isa Sulaiman, 2000; Karupiah & Ken, 2019; Karupiah & Mohd Firdaus Abdullah, 2022).

Selain itu, sebagai satu bandingan malah menceraikan lagi konsep yang didukung dalam perbincangan ini, jelas wujud perbezaan dari segi bentuk pemisahan oleh Perlis dan beberapa tempat lain di Asia Tenggara khususnya. Mengambil contoh di Thailand, gerakan mereka yang tidak tekal dan berpecah-pecah kepada banyak organisasi, malah ada yang membentuk *liberation army* (Mohd Zamberi A. Malek, 1993) menjadikan matlamat pemisahan itu tidak

jasas. Selain di Selatan Thai, contoh di Aceh dan Selatan Filipina juga memperjuangkan kaedah sama (Karupiah & Ken, 2019). Mereka hanya mempunyai satu matlamat umum untuk menuntut kebebasan. Tetapi, cara berjuang dan visi serta misi perjuangan tidak sama seperti Perlis yang bergerak atas satu organisasi sama ada sebelum kerajaan sah ditubuhkan dan masih lagi pada tekad sama selepas memperoleh pegesahan hak autonomi berikutan ancaman dari mantan kuasa pusatnya, Kedah. Oleh itu, terma kepada perjuangan di Selatan Thai itu dikelaskan kepada *separatism* yakni perjuangan pelbagai kelas dan organisasi menuntut pembebasan (Wood, 1981).

Melalui gerakan pemisahan ini juga hujah oleh J.M Gullick (1969) boleh diragui iaitu dalam penulisan *Indigenous Political Systems of Western Malaya*. Secara jelasnya ia bukanlah penulisan mengenai hubungan Kedah Perlis secara spesifik, namun kajian yang melihat hubungan politik dalaman sesebuah negeri boleh mengambil pandangan beliau untuk dibahaskan. Dalam ayat yang mudah, Gullick menyatakan tiada seorang pembesar yang berjaya dan mampu membina pentadbiran sendiri kerana kuasa mereka datang daripada Sultan. Sekiranya ditarik segala jawatan dan kemudahan yang diberikan, pembesar tersebut hilang segala-galanya. Namun, jika dirujuk kepada kes di Perlis, secara teori dan praktikalnya bercanggah dengan hujah Gullick (Mohd Isa Othman, 1990).

Terdapat sarjana yang menghujahkan titik mula (*turning point*) pemisahan ini atau bibit-bibit asasnya sudah wujud sejak zaman pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Mu'adzam Shah II (1710-1778). Terdapat juga yang menjelaskan bahawa peranan Sultan Dhiauddin Mukarram Shah II (1797-1804) telah menjadi pemula bertapaknya keluarga Jamalullail di Perlis (Hazman Hassan & Mohd Kasturi Nor Abd Aziz, 2020). Malahan, kejayaan pemisahan Perlis dari Kedah ini juga tidak menafikan peranan Tunku Ibrahim sebagai tokoh yang penting (Hazman Hassan & Mohd Kasturi Nor Abd Aziz, 2020; Julie Tang Su Chin, 2002; Mohd Isa Othman, 1990). Namun begitu, siapa dan waktu bermula tersebut hakikatnya berkesinambungan antara satu sama lain dan digunakan oleh kerabat Jamalullail dan pembesarnya untuk memastikan kerajaan Perlis memperoleh autonomi pemerintahan sendiri secara penuh.

Perbincangan mengenai cara Perlis dipisahkan dari Kedah sebenarnya merupakan gambaran kepada kemunculan gerakan pemisahan (Julie Tang Su Chin, 2002). Dapat dikenalpasti tindak-tanduk Syed Hussein, ahli kerabat dan pembesar Perlis sudah membuktikan pada peringkat ini gerakan pemisahan sudah dimulakan. Ia bukanlah titik mula atau pembuka jalan lagi tetapi sudah berupa gerakan yang mahu mendapatkan hak pemerintahan secara terpisah. Wilayah Perlis menjadi “batu loncatan” dalam krisis rebutan takhta di Kedah sejak kemangkatan Sultan Abdullah Mukarram Shah (1778-1797). Pada tempoh ini jugalah pengaruh keluarga Jamalullail mula berkembang di Perlis. Tunku Dhiauddin ditabal menjadi sultan Kedah selepas kakandanya mangkat (Hazman Hassan & Mohd Kasturi Nor Abd Aziz, 2020). Perlis dijadikan sebagai pusat pemerintahan iaitu telah dibina kota pemerintahan di Kuala Perlis dinamakan Kota Indera Kayangan II. Syed Hussain yang dipelihara oleh bonda tirinya, Tunku Sofiah begitu disayangi oleh Sultan Dhiauddin ibarat cucundanya sendiri hingga istana Kota Indera Kayangan II menjadi tempat beliau membesar. Setelah dewasa, Syed Hussein dilantik sebagai Penghulu Mukim Arau menjadikan pengaruhnya semakin berkembang di Perlis berikutan keluarganya yang dihormati selain daripada mempunyai hubungan dengan kerabat diraja Kedah.

Penulis sejarah Perlis seperti Hussain Baba Mohamad (1969), Ahmad Ismail dan Yazid Mat (1992) serta pengarang Salasilah Perlis yang tidak dinamakan penulisnya (Salasilah Perlis, 1963) diperhatikan cuba menyembunyikan perpecahan yang wujud di antara Syed Hussein dan Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah II. Hal ini begitu bertentangan dengan perbincangan oleh Mohd Isa Othman (1990) dan Bonney R. (1971) kerana mereka menghujahkan pemecahan wilayah Kedah kepada beberapa bahagian hingga menjadikan Perlis terpisah darinya dan ditadbir Wangsa Jamalullail merupakan implikasi daripada krisis dalaman negeri Kedah (Mohd Isa Othman, 1990; Burney Papers, 1971). Kemuncak perpecahan tersebut telah mengheret Siam ke dalam krisis ini sehingga berlaku siri berperangan memakan masa selama 21 tahun. Sebelum tamatnya perang tersebut, langkah proaktif iaitu gerakan pemisahan awal oleh Syed Hussein Jamalullail telah dilaksanakan (Hazman Hassan & Mohd Kasturi Nor Abd Aziz, 2020). Perang yang berlaku itu juga seperti pembuka jalan kepada pembinaan negeri Perlis yang terpecah dari Kedah.

Para pembesar Kedah era Perang Kedah-Siam dipecahkan kepada dua kelompok iaitu yang “memberontak” dan yang “bekerjasama” dengan Siam. Posisi Syed Hussein sebagai pihak yang “bekerjasama” menurut Mohd Isa sedikit bertentangan dengan pendirian Julie Tang Su Ching yang memberi hujahan bahawa Raja Perlis pertama itu digolongkan sebagai pemberontak “halus”. Penggunaan istilah pemberontak “halus” oleh Julie terhadap Syed Hussein dilihat tepat. Beliau juga mengutarakan isu pemisahan Perlis walaupun tidak mengaitkannya dengan suatu gerakan. Peranan Tunku Dhiauddin yang diibaratkan sebagai arkitek pengasingan Perlis dari Kedah, manakala usaha penubuhan kerajaan baru dilaksanakan oleh cucu angkatnya (anak tiri puterinya) yakni Syed Hussein Jamalullail (Julie Tang Su Chin, 2002).

GERAKAN PENYATUAN PERLIS KEPADA KEDAH

Usaha pemisahan Perlis dari Kedah tidak berakhir selepas Syed Hussein ditabal sebagai Raja Perlis Pertama. Hal ini kerana kejayaan pembinaan Perlis sebagai sebuah kerajaan telah menjadikan harapan untuk menyatukannya dengan Kedah semakin mencabar (Heraclides, 1992). Oleh itu, terdapat usaha daripada pemerintah Kedah dan ahli kerabatnya untuk mengambil kembali Perlis. Jika dilihat kembali pada peringkat awal isu rebutan takhta Kedah, keluarga diraja negeri tersebut yang pernah mentadbir Perlis dan yang menginginkan Perlis bukanlah mahu memisahkan wilayah tersebut seterusnya membentuk kerajaan baru. Akan tetapi, mereka bercita-cita untuk menjadi sultan Kedah. Perlis hanya dijadikan sebagai batu loncatan dalam membina pengaruh seperti yang berjaya dilaksanakan oleh Tunku Dhiauddin (Hazman Hassan & Mohd Kasturi Nor Abd Aziz, 2020).

Setelah Syed Hussein berjaya menubuhkan kerajaan secara terasing dari Kedah, sultan dan kaum kerabatnya tidak berdiam diri sahaja. Malah, semasa pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah III (Mohd Isa Othman, 1990), delegasi Kedah yang seringkali ke Bangkok memujuk Raja Mongkut (Rama IV) mengembalikan Kubang Pasu kepada mereka berikutan dilanda isu pemerintahan selepas kemangkatan Tunku Anum Tunku Abdul Rahman Raja Jambangan (Ahmad Ismail & Yazid Mat, 1992). Dalam masa yang sama, mereka juga berhasrat untuk pihak kerajaan Siam mengembalikan Perlis kepada Kedah dengan alasan keturunan Jamalullail tidak layak mentadbir negeri itu kerana bukan daripada kerabat diraja Kedah terdekat (Buyong Adil, 2019). Selain itu, anakanda Sultan Ahmad Tajuddin III, Tunku

Yaakub telah bertindak melewati batas sempadan Kedah-Perlis dengan menghalang seorang pengusaha lombong arang batu berbangsa Inggeris memulakan operasinya kerana dianggap mencerooboh kawasan di dalam negeri Kedah. Hal ini menyebabkan Bakal Raja Perlis (Ahmad Ismail & Yazid Mat, 1992) bertindak menyelesaikan pertikaian tersebut dengan bantuan Raja Siam. Tindakan meminta campur tangan Siam jelas menunjukkan Perlis walaupun mendakwa kerajaannya berdaulat, tetapi hakikatnya mereka telah menjalankan kaedah gerakan pemisahan *irredentist movement* yakni mengaku pertuanan Siam pada masa yang sama memastikan bekas kuasa pusat mereka terpaksa akur.

Selepas kemangkatan Sultan Ahmad Tajuddin III pada tahun 1879, gerakan penyatuan tidak dilaksana ekoran pergolakan politik yang muncul kembali di Kedah (Julie Tang Su Chin, 2002). Keadaan kembali stabil pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Syah sekitar dekad-dekad penghujung abad ke-19 (CO 716 Kedah Annual Report 1327 (23 Januari 1909 – 12 Januari 1910) hlm. 9., 1909). Merujuk kepada *Letter I, gerakan penyatuan oleh Kedah terhadap Perlis dimulakan dengan teliti bermula tahun 1889* (Suwannathat-Pian, 1982, p. 71). Namun, usaha tersebut tidak membuahkan hasil. Pada 1890, berdasarkan Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid, Sultan Kedah tersebut telah mengirim warkah kepada Krom Luang Teowong Priwit bagi tujuan menuntut kembali Perlis. Melalui tulisan oleh Sultan Abdul Hamid ini, baginda mengusulkan isu jenayah yang berlaku sekitar sempadan Kedah-Perlis. Melaluinya, Perlis diminta untuk dikembalikan kepada Kedah tanpa menjejaskan keluarga diraja Jamalullail (Azwan Ahmad, 2016). Warkah yang tidak mendapat balasan daripada raja Siam tersebut tidak dibiarkan begitu sahaja apabila Sultan Kedah ke-26 itu mengirim warkah pula kepada Menteri Dalam Negeri Siam pada tahun 1895, yang merujuk kepada *Letter III* (Suwannathat-Pian, 1982, pp. 73-74). Peluang ini diambil oleh pemerintah Kedah ekoran keadaan Raja Perlis yang gering ketika itu (Julie Tang Su Chin, 2002) dan beberapa tahun sebelumnya Dato' Arau yang merupakan pembesar berpengaruh sejak zaman Raja Syed Hussein lagi telah meninggal dunia. Keadaan ini digembar-gemburkan oleh pemerintah Kedah sebagai Perlis berada dalam pentadbiran yang tidak stabil (Ahmad Ismail & Yazid Mat, 1992).

Penjelasan Hussain Baba yang menyatakan hubungan Sultan Abdul Hamid dan Raja Syed Safi dalam keadaan baik apabila kedua-duanya menjadi pemerintah negeri begitu bertentangan dengan sikap dan tindakan oleh Sultan Abdul Hamid yang dilihat konsisten menuntut Perlis. Hal tersebut dibuktikan melalui surat (*Letter III*) yang dihantar kepada Putera Damrong berkenaan penyatuan Perlis dengan Kedah:

"If is not to be now, I fear that it will be a long time, long time before His Majesty finds an appropriate occasion to bestow Muang Perlis to me as requested" (Suwannathat-Pian, 1982, p. 74).

Pada tempoh sebelumnya juga diutuskan kepada kerajaan Siam warkah berkenaan hasrat menyatukan Perlis sebagai wilayah Kedah:

If every our Royal Highness entertains any kind consideration for me, please assist me with the Perlis problem, and put the matter to His Majesty the King. We all [in Kedah], no matter it being day or night, are always mindful of our duty to His Majesty, as we are servants of His Majesty the King, and of your Royal Highness. I pray for His Majesty's graciousness to restore muang Perlis to me.

If His Majesty and your Royal Highness kindly accord me my request, it will also be much easier to control the banditry within the boundary of Muang Perlis and Muang Saiburi.

Personally, I never have entertained any thought of others as my lieged lord besides His Majesty and your Royal Highness. I am ever ready to undertake any task at His Majesty's royal command. (Suwannathat-Pian, 1982, p. 74)

Hajat Sultan Abdul Hamid untuk mentadbir Perlis disambut positif oleh Siam apabila baginda dilantik sebagai Pesuruhjaya Penguatkuasa Monthon Saiburi (Mohd Isa Othman, 1990). Upacara perlantikan tersebut dilakukan oleh Kerajaan Kedah dengan penuh istiadat yang meriah. Ia seolah-olah menunjukkan kemenangan Kedah untuk menguasai Perlis walaupun pada hakikatnya Perlis tidak berjaya diserap dari segi kuasa autonomi, akan tetapi hal ehwal pentadbiran terutama mengaitkan Siam berjaya dikawal oleh Kedah (Suwannathat-Pian, 1982, p. 81). Tanda protes kepada Kedah dizahirkan melalui dasar tidak bekerjasama dengan pegawai yang dihantar oleh Sultan Abdul Hamid ke Perlis (Mohd Isa Othman, 1990). Tindakan menentang ini jelas sekali merupakan elemen gerakan pemisahan dalam memastikan pengaruh Kedah tidak mengawal Perlis melalui pentadbiran negeri. Menjelang abad ke-20, pemerintah Perlis dilihat semakin mengorak langkah dalam menggerakkan agenda pemisahan dari Kedah. Selepas kemangkatan Raja Syed Safi, penggantinya Raja Syed Alwi telah meneruskan wawasan Wangsa Jamalullail kekal bertapak sebagai keluarga diraja Perlis. Namun, melalui gerakan yang lebih proaktif tersebut, impaknya juga merupakan sebuah harga yang perlu dibayar bukan hanya oleh golongan elit dan golongan bangsawan, akan tetapi rakyat Perlis juga merasai tempiasnya.

KESAN GERAKAN PEMISAHAN PERLIS DARI KEDAH: ASPEK POLITIK DAN PENTADBIRAN, 1900-1945

Memasuki abad ke-20, negeri Perlis sudah diperintah hampir 60 tahun oleh keturunan Jamalullail. Jumlah raja yang ditabalkan daripada wangsa ini setakat tahun 1900 ialah seramai 3 orang iaitu Syed Hussein Jamalullail, Syed Ahmad Jamalullail dan Syed Safi Jamalullail (Mohd Isa Othman, 2007). Dalam memastikan pengekalan identiti Negeri Perlis tidak digugat oleh Kedah, pemerintah negeri ini merealisasikan wawasan pemisahan dengan pelbagai cara. Gerakan pemisahan oleh Perlis tidak terhenti setelah Syed Hussein ditabal sebagai Raja Perlis kerana Kedah masih belum berputus asa untuk mendapatkan negeri tersebut. Namun, ini tidak bermakna Perlis masih belum berjaya memisahkan pengaruh politik Kedah dari menguasai negerinya. Penerusan agenda gerakan pemisahan ini tidak terhenti kerana berasa terancam dan demi memastikan mandat politik Wangsa Jamalullail berkekalan. Dalam gerakan pemisahan tersebut, terdapat beberapa fasa penting yang menarik untuk dianalisis iaitu zaman naungan Siam, zaman penasihat British, zaman naungan rasmi British dan zaman Pendudukan Jepun.

Bermatlamatkan bebas daripada Kedah, Perlis sanggup bernaung di bawah kuasa luar. Namun, bukanlah semua tindakan yang mengikat Perlis dengan kuasa luar itu dirancang oleh pemerintah negeri tersebut semata-mata. Semua pihak yang terlibat mempunyai kepentingan masing-masing dan bertindak sebagai perancang. Hasrat Perlis yang utama ialah tidak disatukan kembali dengan Kedah. Dengan itu, mengorak memasuki abad ke-20, pemerintah

Perlis yang sudah berpengalaman selama 6 dekad mentadbir sebuah kerajaan negeri dilihat semakin proaktif dalam gerakan pemisahan mereka.

Raja yang memerintah Perlis di dua abad yang berbeza ialah Syed Safi Jamalullail (1897-1905). Baginda digambarkan sebagai raja berpendidikan dan berwawasan (Buyong Adil, 2019) dan merupakan pemerintah Perlis yang menjalankan dasar pemisahan terhadap Kedah melalui jalan pembangunan. Sehingga tahun 1945, Perlis telah diperintah oleh 6 orang raja. Setiap daripada mereka mempunyai strategi memerintah tersendiri namun berpegang kepada wawasan yang sama iaitu memastikan Kedah dipisahkan dalam urusan politik Perlis. Penglibatan Siam dan British tidak dinafikan sebagai pemudahcara gerakan pemisahan ini tetapi pada masa yang sama turut mengheret Perlis dalam polisi pentadbiran mereka yang dilihat merapatkan jurang antara Kedah dan Perlis. Pemerintah tempatan sentiasa berwaspada dengan tindakan penyatuan oleh Kedah dan kuasa-kuasa penaung ini. Melalui gerakan yang dijalankan dalam menampun hegemoni politik Kedah menguasai Perlis, aspek tersebut dilihat menerima impak secara langsung. Walaupun para sarjana sejarah Perlis sebelum ini gemar membincangkan mengenai isu politik dalam kajian mereka, namun penelitian kali ini akan mengupas aspek yang tidak ditonjolkan oleh mereka dan aspek yang disentuh tetapi tidak secara menyeluruh diketengahkan seperti penumpuan kepada perbezaan pendekatan atau polisi raja-raja Perlis dalam gerakan pemisahan masing-masing, kewujudan sistem pemerintahan birokrasi yang kompleks dan realiti kedudukan raja-raja Perlis semasa zaman Siam, zaman British dan zaman Jepun serta kewujudan sistem pengasingan kuasa unik pasca penubuhan Majlis Mesyuarat Negeri Perlis. Semua perbincangan tersebut terkait dengan permulaannya iaitu gerakan pemisahan Perlis hingga meninggalkan kesan dalam aspek politik dan pentadbiran di negeri ini.

Tempoh berbaki beberapa tahun Syed Safi memerintah Perlis pada abad ke-20 (hingga 1905) dilihat sebagai fasa akhir bagi Wangsa Jamalullail mentadbir bersama-sama para pembesar tempatan. Hal ini demikian kerana, selepas kemangkatan Raja Perlis Ketiga itu, pemerintahannya diterajui oleh Raja Syed Alwi Jamalullail dengan polisi pentadbiran yang begitu bergantung kepada Siam dan British. Aspek pergantungan ini tidak ditonjolkan oleh Azwan Ahmad (2016) dan Julie Tang Su Chin (2002). Sebaliknya, Arba'iyah Mohd Noor dan Mohd Firdaus Abdullah (2021) dilihat telah menyimpulkan bahawa pergantungan kepada Siam merupakan salah satu elemen pembentukan Perlis sejak 1841. Namun, dalam gerakan pemisahan oleh Raja Syed Alwi dan para pembesarnya, Siam telah diikat bersama Perlis dengan masalah hutang negeri itu. Melalui kebergantungan tersebut, hal ehwal politik Perlis yang kononnya mahu dijarakkan dari pengaruh Kedah tetapi didekatkan kepada kuasa luar. Malah, selepas ini akan ditonjolkan para penaung Perlis itu pula yang bertindak merapatkan jurang negeri itu dengan Kedah melalui pelbagai cara.

Tidak dinafikan bahawa sejak Perlis dipisahkan dari Kedah, walaupun pada masa itu belum lagi keturunan Jamalullail diangkat sebagai keluarga diraja, Siam merupakan pihak bertanggungjawab mengatur mengecilkan pengaruh Sultan Ahmad Tajuddin II (Arba'iyah Mohd Noor & Mohd Firdaus Abdullah., 2021). Pada waktu tersebut, usaha membina identiti Perlis semakin jelas melalui peranan para pembesar dan juga kerabat Wanita (Buyong Adil, Sejarah Perlis, 2019). Melalui sokongan daripada semua pihak, jalan mudah telah dibuka kepada Wangsa Jamalullail untuk mengemudi Perlis sebagai pemerintah sah. Kesenambungan kerja keras sejak 1839, yakni sebelum Siam berjaya mengikat hubungan mereka dengan Perlis ekoran Perjanjian Hutang 1905 (Mss md. Ocn. S 316 Box 1, File 2, 1905) pada abad ke-20

sehingga 1905 menyaksikan aspek politik dan pemerintahan atas Perlis hanya dianggotai oleh orang Melayu. Namun, pada zaman pemerintahan Syed Alwi, golongan pentadbir Perlis “dibuka” keanggotaannya kepada bangsa asing.

Kesan pada pentadbiran dapat dilihat dengan wujudnya sistem pentadbiran berlapis-lapis yang merencamkan sistem birokrasi pemerintahan sedia ada. Isu ini tidak lagi melihat pada kedudukan raja atau pembesar yang kebiasaannya ditonjolkan oleh para sarjana sebelum ini, akan tetapi penjelasan ini mahu meninjau sistem yang ditempuhi mereka. Perkara ini merujuk kepada peranan Meadows Frost yang dilantik sebagai Konsul British bagi Saiburi dan Phuket pada awal tahun 1906 (Julie Tang Su Chin, 2002; CO 273/333 British Consulate Kedah, 1907; Buyong Adil, 1980). Pengenalan sistem ini menjadikan Perlis yang mengikat kerajaan negerinya dengan Siam bukan hanya menerima Penasihat Kewangan dan distrukturkan pentadbirannya melalui penubuhan Majlis Mesyuarat Negeri, bahkan, Perlis pada zaman naungan Siam itu ditadbir dalam satu “persekutuan” dalam Saiburi (disebut juga Ceraiburi) (Sharom Ahmat, 1957). Oleh itu, berdasarkan kepada sistem ini, usaha Perlis dalam gerakan pemisahan pada 1905 menjerat diri hingga ditadbir bersama-sama Kedah oleh kuasa luar. Malah, Perlis yang menggunakan kuasa luar untuk kepentingannya agar dijauhkan dari Kedah hakikatnya dipergunakan juga.

Melihat kepada kedudukan raja Perlis (Raja Syed Alwi), perbandingan dengan sultan Kedah (Sultan Abdul Hamid) dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri masing-masing seperti sudah dimenanangi oleh Perlis. Hal ini demikian kerana di Kedah, sultannya tidak terlibat dalam *State Council* sebagaimana di Perlis (CO 716 Kedah Annual Report, 1905-1906; Mohd Isa Othman, 2001a; Shamsuddin Muhammad Yusof, 1999). Analisis bandingan ini penting dibuat di antara kedua-dua kerajaan berikutan Perlis melihat Kedah bukan hanya sebagai pengancam yang mahu mengambil alih pentadbiran tetapi juga sebagai pesaing. Raja Perlis perlu terlibat dalam pentadbiran pembuat keputusan di negerinya dan hasrat tersebut digambarkan melalui kejayaan dalam kedudukan baginda di *State Council*. Kesan ini walaupun tidak menghalang usaha “penyatuan” Perlis dengan Kedah, namun ia menunjukkan kewibawaan Raja Perlis dibandingkan dengan Sultan Kedah. Keadaan Sultan Abdul Hamid yang sering kali gering (Muhammad Hassan, 2018) juga merupakan faktor kepada lemahnya gerakan penyatuan oleh Kedah berbanding gerakan pemisahan Perlis.

Menafikan kenyataan oleh Azwan Ahmad (2016) mengenai kedudukan dan kuasa raja yang dikatakan semakin dikurangkan ekoran penubuhan Majlis Mesyuarat Negeri pada 1905, penelitian mendapati pengaruh Raja Syed Alwi tidak terkesan dengan kewujudan badan eksekutif tersebut (Ervin, 1970). Malahan, struktur badan pentadbiran di Perlis semakin sistematik meletakkan rajanya unggul di mercu tertinggi. Penubuhan *State Council* ini untuk memudahkan Penasihat Kewangan berbangsa Inggeris itu menguruskan hal ehwal perbelanjaan dan pendapatan Perlis dengan dirinya sebahagian daripada ahli mesyuarat. Cuma, kesan pinjaman yang dibuat dari Siam ini telah memberi peluang kepada British untuk bertapak di Perlis khasnya memasukkan pegawai mereka ke dalam sistem pentadbiran. Siam dan British sudah sekian lama mempunyai pakatan dan perjanjian sesama mereka. Antara persetujuan mereka yang boleh dikaitkan dengan situasi di Perlis ialah perlantikan Penasihat Kewangan berbangsa Eropah (Julie Tang Su Chin, 2002; Nik Anuar Nik Mahmud, 1994). Hal ini merupakan persetujuan antara Siam dan British yang terpaksa dituruti sahaja oleh Perlis.

Selain itu, berdasarkan konsep perbincangan yang menekankan gerakan pemisahan Perlis, kemasukan pegawai Penasihat Kewangan telah mengukuhkan organisasi merujuk kepada terma *secession* yang tidak berpecah, tidak berpuak atau tidak membentuk apa-apa *liberation army* atau *liberation form*. Institusi politik Perlis tetap sama malah ditambahbaik organisasi mereka melalui bantuan Penasihat Kewangan. Ini menyokong kuat lagi hujah bahawa agenda Perlis ialah usaha gerakan pemisahan (*secession movement*) dan pergerakan oleh pemerintahnya juga unik kerana tidak dipengaruhi oleh perkembangan di tempat lain. Akan tetapi, penambahbaikan dari segi struktur tidak bermaksud keseluruhannya menyokong matlamat pemerintah tempatan Perlis. Ini kerana, pegawai-pegawai berbangsa British di Perlis dan di Kedah sentiasa berhubung. Walaupun ia mengundang keresahan kepada pembesar Melayu Perlis, urusan kedua-duanya tidak pernah menggugat status kedaulatan negeri itu (Julie Tang Su Chin, 2002).

Kebuntuan yang bermula dari tempoh 1897 hingga 1905 (pelantikan Sultan Abdul Hamid sebagai Pesuruhjaya *Monthon Saiburi*) telah diselesaikan oleh pemerintah Kedah sendiri apabila Tunku Abdul Aziz (Raja Muda Kedah) mengambil jalan meminjam wang daripada Siam untuk menyelesaikan masalah kewangan negerinya (Mohd Isa Othman, 2001b; Arkib Negara Malaysia, 1905). Perlis mengambil jalan serupa pada tahun yang sama dengan membuat pinjaman daripada Siam (Julie Tang Su Chin, 2002). Melalui tindakan tersebut jelas sekali Perlis begitu dibayangi tindak-tanduk bekas kuasa pusatnya itu. Apa sahaja tindakan Kedah, Perlis yang sentiasa mengamati cara Kedah mentadbir negeri lantas meniru langkah tersebut. Ironinya, segala strategi gerakan pemisahan Perlis menjarakkan mereka dari segi ikatan politik dan pentadbiran dari Kedah, tetapi akhirnya tembok pemisahannya dimusnahkan melalui tindakan pegawai British terlibat (Julie Tang Su Chin, 2002).

Pada tahun 1909, kejadian di luar dugaan Perlis dan semua Negeri-negeri Melayu Utara lain ialah mereka telah dipaksa menerima penaung baharu iaitu British apabila Siam telah memetrai satu deklarasi pada 10 Mac 1909 dikenali sebagai Perjanjian Bangkok 1909 (Maxwell & Gibson, 1924). Namun, dengan wawasan demi memastikan Kedah tidak berkesempatan untuk mendekati mereka, pemerintah Perlis dilihat tidak seperti negeri-negeri lain yang menentang perubahan naungan daripada Siam kepada British ini. Jika diteliti dengan lebih dalam, rentetan penguasaan oleh British bermula 10 Mac 1909 tersebut asasnya lahir daripada tindakan gerakan pemisahan Perlis terhadap Kedah pada tahun 1905. Ia bertitik tolak keyakinan bahawa dengan membuat pinjaman dari Siam, Perlis akan menerima Penasihat Kewangan dan perlu menubuhkan *State Council* (Perlis Annual Report, 1909-1910). Ia merupakan jalan keluar dari *Monthon Saiburi* yang dikemudi oleh Sultan Abdul Hamid.

Kerajaan Siam andai dibandingkan dengan British hanyalah sebuah kuasa kecil. Dinasti Chakri ini tersepit dengan kemaraan kuasa Barat yang bersaing di kawasan penguasaannya. Selain daripada British, Perancis juga antara kuasa Barat yang sedang giat meluaskan pengaruhnya khasnya di Asia Tenggara serta berhubung dengan Siam melibatkan perluasan kuasa. British yang dilihat berpengaruh di Tanah Melayu pula sentiasa berminat untuk mendapatkan negeri-negeri naungan Siam di selatan negara tersebut. Usahasama dan dasar buka pintu yang diamalkan Siam sejak zaman Raja Mongkut diteruskan oleh penggantinya Raja Chulalongkorn. Pada 1826, Siam dan British telah memetrai Perjanjian Burney (Suwannathat-Pian, 1988). Kemudian diteruskan lagi dengan Perjanjian Bowring 1855 (Smith & Smith, 2019) dan Perjanjian Sulit pada 1897 (Nik Anuar Nik Mahmud, 1994). Dari semasa ke semasa, kedua-dua kuasa ini sentiasa mengemaskini hubungan mereka melalui perjanjian

bertulis. Secara tidak langsung, terdapat perjanjian yang dimetrai ini memberi kesan kepada wilayah naungan Siam. Pada abad ke-20 telah menyaksikan satu perjanjian pembaharuan (*renewal agreement*) telah dimetrai. Deklarasi tersebut seperti disebutkan beberapa kali sebelum ini iaitu Perjanjian Bangkok 1909 (Chandran, 1971).

Hasil daripada perjanjian yang dibuat antara Siam dan British tersebut telah menukar kuasa penaung kepada Negeri-negeri Melayu Utara khasnya Perlis. British yang sebelum ini hanya mengawal tindak-tanduk Siam dalam pembuatan keputusan mengenai negeri naungan telah berkuasa penuh. Tidak seperti negeri Kedah, Kelantan dan Terengganu, Perlis tidak menentang perubahan ini. Sebagaimana pemerintah Perlis menganggap perjanjian hutang pada 1905 ialah sebuah pengesahan dan pengiktirafan terhadap keberadaan kerajaannya, hal serupa juga berlaku setelah British menjadi kuasa penaung pasca Perjanjian Bangkok. Ini menunjukkan tegarnya misi Perlis dalam gerakan pemisahan terhadap Kedah. Hal ini sekali lagi dapat dihubungkan dengan tindakan bersifat *irredentist movement* (Heraclides, 1992). Ketekalan perjuangan Perlis mengekang Kedah buat ke sekian kalinya ini walaupun menjadikan British berpengaruh, tetapi arena politiknya semakin tidak mampu diganggu oleh kerabat diraja Kedah.

Jika dilihat kepada fungsi pelantikan Penasihat Kewangan sejak 1905 lagi, pegawai tersebut berperanan untuk memastikan Perlis mampu membaik pulih ekonominya dan berkeupayaan membayar kembali hutang. Sehingga menjelang tahun 1930, Negeri Perlis dari segi politik dan pentadbiran telah menerima impak ekoran tindakan pemerintahnya. Kewujudan karenah birokrasi berjaya dikurangkan selepas British menggantikan Siam sebagai penaung. Malah, pegawai yang dilantik menjadi Penasihat Kewangan selepas A.H Duke di Perlis ialah Meadows Frost (CO 716 Annual Report of Perlis Government, 1910). Beliau sebelum ini merupakan Konsul British bagi Saiburi dan Phuket. Sistem berlapis yang dianggotai oleh Frost sebelum ini ditinggalkan beliau setelah dilantik menjadi Penasihat Kewangan tanpa perlu menguruskan wilayah jajahan takluk Siam (Julie Tang Su Chin, 2002). Ironinya, beliau dan Ralph Paget sebelum ini merupakan pegawai British yang beria-ria ingin menyatukan Perlis dan Setul bersama-sama Kedah dalam satu pentadbiran telah menjadi sebahagian daripada organisasi pentadbiran Perlis.

Gandingan Frost dan W.G Maxwell (Penasihat Kewangan Kedah) pula dilihat begitu mengancam keberkesanan gerakan pemisahan Perlis dari Kedah kerana kedua-dua mereka ini juga seperti kebanyakan pegawai British lain, iaitu pro-Kedah dan suka kepada penyatuan Perlis dengan negeri tersebut (Julie Tang Su Chin, 2002). Terdapat pengkaji lalu yang menghujahkan raja tidak terkesan dari segi kedudukan dan wibawa baginda kerana perubahan naungan oleh British ini tiada perbezaan dengan sebelumnya (Azwan Ahmad, 2016). Hakikatnya, kedudukan British walaupun disebut sebagai penaung tidak rasmi, kuasa penasihatnya yakni Frost lebih luas daripada A.H Duke (Ahmad Ismail & Yazid Mat, 1992). Namun, didapati walaupun penekanan yang ditonjolkan kepada aspek kuasa Penasihat Kewangan British tersebut begitu besar peranannya, keberkesanan dan konsistensi mereka tidaklah begitu memuaskan. Mereka hanya benar-benar fokus kepada peranan asal iaitu dalam aspek kewangan. Malah, aspek tersebut juga tidak begitu seimbang diuruskan berikutan para penasihat ini begitu agresif membangunkan pelbagai sektor ekonomi untuk meraih pendapatan tinggi dan mengabaikan aspek perbelanjaan negeri. Hal ini menjadikan tempoh 21 tahun untuk Perlis menamatkan pinjaman begitu lama jika dibandingkan dengan Kedah yang sudah selesai melunaskan hutangnya pada 1923 (CO 717/27 Guillermand to Tengku Ibrahim, 1923).

Bermula tahun 1909 hingga 1930, 11 orang penasihat (Ahmad Ismail, 1942) telah mengisi jawatan tersebut. Dalam tempoh 21 tahun tersebut, hanya seorang penasihat yang memegang jawatan paling lama iaitu H.C Eckhardt. Akan tetapi beliau juga tidak sepanjang tempoh itu berkhidmat kerana pernah mengambil cuti selama setengah tahun dan digantikan sementara oleh Pemangku Penasihat bernama C.M Laidlaw (Ahmad Ismail, 1942). Ringkasnya, disimpulkan awal bahawa peranan Penasihat Kewangan ini tidak lari daripada maksud jawatannya iaitu “Penasihat Kewangan”. Sebelum ini, terdapat pengkaji sejarah Perlis yang menonjolkan peranan para penasihat ini dari sisi besarnya kuasa mereka hingga peranan pegawai tempatan dalam *State Council* tidak diketengahkan. Hakikatnya, berdasarkan catatan Dato’ Sheikh Ahmad:

“Saya menjadi *Assistant State Auditor* Negeri Perlis, dan *British Adviser* menjadi *State Auditor*. Tetapi yang sebenarnya sayalah yang menjalankan pekerjaan *State Auditor* dan *British Adviser* itu nama sahaja dan saya telah diberi kuasa penuh menjalankan pekerjaan semua sekali hal berkaitan pemeriksaan kira-kira negeri Perlis. Lain daripada itu tanggungjawab saya juga menyediakan *Estimate* (Anggaran Belanjawan Negeri) pada tiap-tiap tahun sehinggalah Perang Dunia Ke-2” (Omar Yaacob, 1993).

Oleh itu, didapati di sini bahawa, langkah “penerimaan” naungan tidak rasmi British memberi kesan pengurusan yang sistematik dari segi organisasinya sahaja. Berikutan perkhidmatan para penasihat ini yang tidak melebihi 5 tahun melainkan Mr. H.C Eckhardt, agenda menyokong hasrat Kedah menyatukan negeri itu dengan Perlis dilihat cuma sebagai cadangan yang tidak berjaya direalisasikan. Hal ini merupakan kelebihan kepada Perlis yang memperjuangkan pemisahan dari Kedah. Perkara ini merupakan berita gembira kepada Raja Perlis dan para pembesaranya.

Aspek persempadanan yang diselesaikan oleh Penasihat Kewangan British membawa kesan langsung kepada orang Melayu Perlis di Mukim Puju. Kawasan tersebut telah menjadi bahagian daripada negara Siam hingga ke hari ini. Namun, secara keseluruhan, pendekatan yang diambil oleh pemerintah Perlis dilihat sebagai langkah bernas atas alasan pinjaman menyelesaikan hutang. Sekiranya pinjaman tidak dibuat, negeri ini tetap dibelenggu hutang kerana ia berpunca daripada sikap pemerintahnya sendiri dan para kerabat yang gemar berhutang (CO 717 107/33411 Caldecott to Cunliffe-Lister, n.d). Rentetan itu, Perlis yang terpaksa menubuhkan Majlis Mesyuarat Negeri telah distrukturkan dengan sistem pemerintahan pengasingan kuasa atau disebut juga sebagai doktrin pengasingan kuasa. Akan tetapi, amalan sistem ini didapati tidak mengikut konsep asal sepenuhnya. Tetap berlaku pertindihan kuasa melibatkan badan eksekutif, legislatif dan judisari (Azwan Ahmad, 2016). Hujah pertindihan tersebutlah yang menunjukkan walaupun diperkenalkan sistem ini melalui penubuhan *State Council*, raja dan pembesar negeri masih berkuasa melangkaui 3 badan pentadbiran dan mewujudkan satu sistem pengasingan kuasa ala Perlis.

Melihat semula kepada aspek hubungan Kedah-Perlis, kedua-dua kerajaan ini dari segi politiknya ternyata terpisah tetapi bukan dari segi pentadbiran. Situasinya menyokong konsep gerakan pemisahan (*secession*) yang menjadi tunjang utama kajian ini, akan tetapi bentuk pemisahan yang diinginkan jelas sekali bermatlamatkan terpisah secara politik sahaja (pengekaln pemerintahan Wangsa Jamalullail). Disebabkan dasar bergantung dengan kuasa lain yang diperlukan untuk mengesahkan kerajaan Perlis, terdapat sebahagian pengurusan

pentadbirannya dikendalikan oleh penasihat secara kolektif dengan penasihat di Kedah. Melalui amalan yang wujud ini, dalam pentadbiran kesemuanya dijalankan dengan lancar tanpa bantahan oleh pihak pemerintah tempatan Perlis.

Hubungan Kedah dan Perlis sentiasa wujud dalam pelbagai peringkat terutamanya melibatkan para penasihat. Kedua-dua penasihat ini saling berkomunikasi dalam menguruskan negeri masing-masing. Segala laporan berkenaan Perlis akan dihantar ke Kedah dan disekalikan dalam penerbitan Laporan Tahunan (CO 716 Annual Report of Perlis Government, 1910). Kedah seperti mentor kepada Perlis dan kekurangan di Perlis sering ditampung olehnya. Hal ini merujuk kepada pelbagai aspek seperti pentadbiran (Fail Report of Kedah/Perlis Medical and Sanitary Board for The Year 1926, 1926), pendidikan (Azwan Ahmad, 2016) dan penyediaan kemudahan awam (Mohd Isa Othman, 2001a).

Setelah ditadbir melalui Majlis Kerajaan Negeri bermula 1905 hingga 1929, Perlis akhirnya berjaya melunaskan hutangnya kepada Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Ahmad Ismail, 1942). Fungsi Penasihat Kewangan British di Perlis telah berakhir berikutan penyelesaian hutang tersebut. Hal ini bermakna Negeri Perlis telah bebas dari naungan pihak British (Emerson, 1987). Tidak ada perjanjian yang berasingan telah dibuat di antara Great Britain dengan Perlis. Perkara tersebut jelasnya menjadikan klausa berkenaan hak British ke atas Perlis sama sahaja seperti yang dimeterai dengan Siam pada masa dahulunya dan perjanjian itu tamat apabila Perlis melangsaikan ansuran hutangnya yang akhir kepada Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1929 (Azwan Ahmad, 2016). Walaupun Perjanjian Bangkok 1909 memutuskan bahawa Perlis diserahkan sepenuhnya kepada pihak British, tetapi tiada perakuan rasmi daripada Raja Perlis sehinggalah termeterainya perjanjian Perlis-British 1930 (Mohd Isa Othman, 2001a).

Dengan termeterainya Perjanjian British Perlis 1930, maka secara rasminya British telah menaungi Perlis. Status negeri berhutang telah diubah kepada negeri bebas terhadap Perlis. Namun status itu hanya sekadar bebas daripada hutang sahaja. Kini, bermula 1930, Perlis menjadi negeri terakhir dalam kalangan negeri-negeri Melayu yang menandatangani perjanjian dengan British. Berbalik kepada gerakan pemisahan oleh Perlis, diperhatikan Raja Syed Alwi tidaklah dengan sewenang-wenangnya bersetuju untuk dinaungi (Julie Tang Su Chin, 2002). Baginda seperti juga raja-raja sebelumnya berpegang kepada wawasan untuk memastikan Perlis berdiri sebagai sebuah kerajaan tunggal secara politiknya tanpa pengaruh dari Kedah. Baginda dilihat begitu berhati-hati untuk menerima nasihat daripada Penasihat British pada masa itu. Seperti mana dijelaskan dalam perbincangan sebelum ini, pemerintah Perlis tidak dapat lari daripada mengikut apa sahaja tindakan Kedah, termasuk juga tindakan untuk dinaungi oleh British. Penelitian dibuat terhadap tindakan Raja Syed Alwi hingga meminta draf perjanjian di antara Kedah dan British pada tahun 1923.

Melalui tindakan yang dilaksanakan oleh pemerintah Perlis tersebut, hasrat yang diidamkan ialah pertama; dengan dinaungi secara rasmi, sekali lagi pengiktirafan kepada Perlis bakal diterima. Hal ini akan mengakui bahawa Perlis sebuah negeri yang berdaulat walaupun dinaungi oleh kuasa luar yang lain. Kedaulatan tersebut jelasnya merujuk kepada ikatan negeri Perlis dengan Kedah yang tidak akan disebut di dalam perjanjian. Malah, Kedah yang telah lebih awal juga dinaungi British pada 1923 juga semakin menjauh daripadanya. Kedua; apabila Perlis dijadikan sebagai salah sebuah negeri naungan British, hubungannya dengan Kedah sudah pasti akan terjalin kerana kedua-duanya selain daripada bersempadan, banyak

kerjasama ekonomi dan sosial memerlukan interaksi secara langsung bakal digembleng oleh British. Kedua-dua perkara tersebut benar-benar membuktikan Perlis tidaklah terlalu *taboo* dengan Kedah, cuma kebimbangan diserap kembali menjadikan pemerintahnya selalu berhati-hati dan memastikan agenda pemisahan yang diperjuang sekian lama tidak sia-sia.

Menarik untuk diteliti dari sudut agenda gerakan pemisahan (*secession*) ini melihat kepada pertembungan hujah di antara Julie Tang Su Chin dan Azwan Ahmad lagi. Isu tersebut melibatkan dasar desentralisasi oleh British dan perkara tersebut dibincang oleh dua-duanya dengan kupasan yang bernas (Azwan Ahmad, 2016). Akan tetapi, berbalik kepada idea pemisahan dan dasar British tersebut, tindakan oleh British itu sebenarnya bertepatan sekali dengan isu *secession movement* oleh Perlis terhadap Kedah. Sama ada Penasihat Kedah, W.G Maxwell benar-benar berhasrat menyatukan Kedah seperti didakwa Julie atau sekadar membuat pemusatan pentadbiran sahaja seperti penjelasan Azwan, didapati bahawa wujud keraguan di pihak raja Perlis. Hal ini menjadikan baginda membuat permohonan untuk mempunyai setem khas Perlis dan mahu dipisahkan dari Kedah. Namun, akhirnya permintaan baginda ditolak. Penolakan tersebut sebenarnya jika dilihat kepada aspek pentadbiran jelas menunjukkan Kedah dan Perlis diuruskan secara bersama-sama walaupun sekadar hal ehwal pos dan telegraf. Hujah ini bersandarkan kepada pentadbiran di Perlis yang disatukan dengan Kedah bukan hanya pada urusan Pos dan Telegraf sahaja. Namun, urusan yang melibatkan kerjasama pegawai di peringkat jabatan lain juga wujud seperti urusan berkenaan hospital dan pejabat tanah (Report of Kedah/Perlis Medical and Sanitary Board for The Year 1926 - 1938, 1926-1938).

Rancangan memberikan hak kepada kerajaan negeri dan mengurangkan beban pentadbiran kerajaan pusat melalui desentralisasi berbeza pula reaksi di antara Raja Perlis dengan para sultan dari Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Andaya & Andaya, 1983). Hal ini berbalik kepada hak yang diberikan iaitu Perlis terpaksa berkongsi jabatan dengan Kedah. Walaupun atas alasan keluasan negeri, ia tetap menunjukkan aspek penarafan oleh British kepada Perlis tidak seperti negeri-negeri Melayu lain (Andaya & Andaya, 1983). Perlis dilihat mahu terlibat dengan Kedah tetapi tidak mahu diuruskan dalam satu jabatan atau badan yang sama. Berbalik kepada kesan, didapati tindakan dinaungi oleh British tidak dapat melepaskan Perlis dari Kedah walaupun bukan ditadbir oleh Sultan Kedah tetapi ahli *State Council* Kedah iaitu Penasihat British yang mengawal hal ehwal negeri Kedah dan Perlis.

Antara contoh hal ehwal pentadbiran di Perlis yang menunjukkan interaksi serta saling bergantung antara Perlis dan Kedah ialah berkaitan keperluan pegawai yang dibawa dari Kedah (Anonymous, 1935). Keperluan tersebut melibatkan permintaan seorang juru ukur di kawasan pembinaan jalan di Kuala Perlis. Beliau ialah En. Mohamed Ali Hamzah yang dilantik sebagai juru ukur tetap bermula 29 Zulhijjah 1358H bersamaan tahun 1940 Masihi . Merujuk kepada perkara ini, urusan berkenaan pembangunan terutamanya sejak dari zaman Raja Syed Safi lagi merupakan bentuk kerjasama yang wujud di antara Kedah dan Perlis. Ia lebih sistematik dengan kemasukan birokrasi Barat oleh British melalui perkhidmatan pakar bidang-bidang tertentu pelbagai jabatan yang disatukan antara negeri-negeri.

Gerakan pemisahan yang memasuki fasa akhir di Perlis ini dilihat semakin stabil. Hasil daripada sifat berwaspada pemimpin Perlis dalam mengawal pengaruh Kedah terbukti berkesan. Kemasukan pengaruh British dengan memperkenalkan sistem pengurusan dan jabatan-jabatan khas di Perlis telah melicinkan lagi urusan di negeri berkenaan. Walaupun

pengurusan tersebut mewujudkan hubungan pegawai silang negeri, ia tidak mengganggu kelicinan pentadbiran. Malah, sebagai contoh dalam aspek kesihatan (Fail Report of Kedah/Perlis Medical and Sanitary Board for The Year 1937, 1937), pengurusan yang melibatkan interaksi Kedah dan Perlis dalam pentadbir atasannya mewujudkan sistem yang kemas.

Selain itu, impak paling ketara terhadap politik Perlis selepas rajanya bersetuju dinaungi British ialah berkaitan pewaris takhta. Namun demikian, dari sudut perbincangan gerakan pemisahan, penghujahan bukanlah ingin menonjolkan isu hak merestui calon raja itu sudah beralih ke tangan British. Ini kerana, sewaktu berada di bawah pengaruh Siam dahulu, setiap bakal raja baharu yang mahu dilantik akan meminta restu raja Siam dan berangkat ke Bangkok (Buyong Adil, 2019). Akan tetapi, perkara yang ingin diketengahkan ialah berkenaan kehendak raja dan Majlis Mesyuarat Negeri (*State Council*) sebenarnya selari dengan Kerajaan British. Berdasarkan kes di Perlis, isu pewaris takhta yang tidak memihak kepada Syed Hamzah bukanlah kerana peranan British semata-mata, tetapi ia berbalik kepada persetujuan Raja Perlis dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Perlis. Walaupun di dalam syarat perjanjian menetapkan British mempunyai hak berkenaan bakal raja, tetapi berkenaan kes Syed Hamzah, semua pihak yang mempunyai autoriti terhadap pemilihan tersebut yakni raja, Majlis Mesyuarat Negeri dan British bersependapat untuk memilih Syed Hassan sebagai bakal raja (CO 717 107/33411 Shenton Thomas kepada Cunliffe-Lister, 1935) dan apabila Syed Hassan mangkat sebelum ditabalkan, maka anakandanya dipilih sebagai bakal raja iaitu Syed Putra Jamalullail (Julie Tang Su Chin, 2002).

Melihat kepada kesan jangka panjangnya, keputusan tersebut sebenarnya tidak menjejaskan pentadbiran peringkat atasan. Malah, Syed Hamzah yang merupakan Naib Presiden *State Council* juga tidak memberontak atas keputusan tersebut walaupun pada peringkat awal sebelum dilantik bakal raja, Syed Hamzah dikatakan mendesak Raja Syed Alwi melantik dirinya sebagai pewaris takhta. Penolakan Syed Hamzah sebagai bakal raja juga merupakan sebahagian daripada strategi Raja Syed Alwi dalam memenuhi wawasan tidak mahu jurang dengan Kedah yang sudah jauh dibina didekatkan semula oleh Syed Hamzah. Hal ini kerana Syed Hamzah selain daripada tidak digemari oleh pembesar dan Raja Perlis ekoran penglibatannya dalam pelbagai kegiatan terlarang beliau juga merupakan menantu kepada Sultan Abdul Hamid Halim Syah Sultan Kedah Ke-26 dan sedang memerintah pada masa itu (Mahani Musa, 2007).

KESIMPULAN

Konklusinya, kajian ini membuktikan bahawa Perlis telah berjaya memisahkan diri dari Kedah, tetapi masa yang diambil begitu panjang disebabkan rancangan pemisahannya bukanlah *pure secession movement*. Ia bercampur dengan tindakan *irredentist movement* (*secessionist-merger movement*) yakni sanggup bersekutu dengan pihak lain untuk memastikan bebas daripada kuasa pusat. Tindakan penaungnya seperti Siam dan British pula yang mendekatkan Perlis dan Kedah sentiasa menjadikan pemerintah negeri ini terpaksa mencari pelan terbaru bagi memastikan negerinya tidak berakhir seperti Negeri Kubang Pasu atau lebih tragis seperti Setul yang diletakkan di dalam wilayah Siam hingga kini.

Gerakan pemisahan Perlis terhadap Kedah yang dipersetujui muncul sejak abad ke-19 ini ternyata merupakan satu wawasan yang telah berjaya dicapai pada abad ke-20. Ia merupakan satu-satunya gerakan yang berjaya memisahkan wilayah kecil dari kerajaan pusat di negara ini membentuk sebuah kerajaan negeri beraja. Walaupun melalui kekangan yang sukar bersaing dengan Kedah, negeri Perlis sudah menjadi juara dalam pertandingan ini. Usaha-usaha oleh bekas kerajaan pusatnya mendapatkan kembali hak politik dengan kompeten sekali ditepis melalui pelbagai pendekatan. Bermula dengan tindakan melibatkan Siam untuk mengesahkan kewujudan kerajaan ini dan akhirnya menerima British merupakan kebijaksanaan Raja Perlis dan pembesarnya bagi menjamin kedaulatan negeri itu.

Gerakan pemisahan ini juga merekodkan tempoh paling lama di Tanah Melayu jika dibandingkan dengan usaha yang sama di beberapa negeri yang lain. Melaluinya, telah mencetuskan kesan dalam pelbagai aspek terutama dalam aspek politik. Didapati selain daripada Wangsa Jamalullail, keturunan Dato' Arau telah menjadi kelompok penting dalam elemen politik Perlis. Peranan mereka dalam menjayakan gerakan pemisahan tidak dapat dinafikan. Sebagai ganjarannya, kedudukan keluarga pembesar ini semakin kukuh dalam kerajaan negeri. Nilai karismatik dan watak kepimpinan unggul Raja Perlis juga telah menjamin gerakan pemisahan yang bermula daripada Raja Syed Hussein hingga Raja Syed Alwi ini kekal utuh. Pelbagai strategi diusulkan dalam mengekang pengaruh Kedah mempengaruhi aspek politik. Namun, diperhatikan bahawa hubungan antara kedua-dua negeri ini tidak pernah terputus melainkan aspek politik. Melalui perkahwinan terutamanya menjadikan ikatan Kedah dan Perlis kekal terjalin. Pembaharuan hubungan tersebutlah yang menjadikan pemisahan mereka melibatkan hal ehwal politik semata-mata sebagai bentuk pemecahan kerajaan begitu unik.

Walaupun Kedah kerap kali berpeluang mendapatkan kembali Perlis, gerakan pemisahan oleh pemerintah negeri ini menjadi kuncinya. Perlis begitu berhati-hati dalam setiap tindakannya berikutan tidak mahu menerima nasib seperti Kubang Pasu. Pembesar dan Raja Perlis telah sedaya upaya menjaga keharmonian golongan pentadbir dan membangunkan negeri ini agar mencapai kemajuan lebih baik. Hubungan yang baik dengan Siam seterusnya British menjadi kunci utama kekalnya kerajaan ini. Langkah proaktif menjalankan gerakan pemisahan pada kurun ke-20 telah memastikan pengiktirafan dan kesahan kerajaan Perlis diakui. Penerimaan Penasihat Kewangan telah membuka lembaran baru kepada Perlis dalam sistem pemerintahan negerinya. Negeri ini dikenalpasti berjaya memantapkan organisasi *secession movement* mereka dengan kemasukan Penasihat Kewangan. Tidak berlaku tentangan kepada kuasa penaung atau ditubuhkan pasukan puak pemisah (*liberation army*) yang berjuang untuk gerakan pemisahan di Perlis selain daripada organisasi pembesar negeri sedia ada. Namun begitu, dari masa ke masa dikenalpasti aspek bayangan Kedah itu sentiasa mempengaruhi keputusan Perlis. Buktinya pada Penubuhan Majlis Mesyuarat Negeri pada 1905 dilihat serupa dengan apa yang berlaku di Kedah. Melalui gerakan pemisahan yang dilakukan, elemen Kedah dilihat mengekori Perlis. Sebarang keputusan Kedah dalam aspek pemerintahan kerap kali diikuti oleh negeri Indera Kayangan ini.

Impak daripada gerakan pemisahannya terhadap Kedah begitu jelas terhadap aspek politik. Ia telah wujud sistem pemerintahan moden di Perlis yang mempengaruhi bidang kuasa raja. Namun, tidak seperti di negeri-negeri lain, tiada timbul isu antara Raja Perlis dengan Penasihat British. Namun, sikap berwaspada pemerintah tempatan terhadap usaha penasihat tetap wujud berikutan ura-ura mahu mencantumkan Kedah dengan Perlis. Namun, hasil kesabaran dan

wibawa pemimpin Perlis, negeri ini berjaya dalam perjalanan survival sebagai negeri termuda di Tanah Melayu.

Melalui sistem baharu yang sistematik ini, kesan baiknya dirasai di Perlis. Ia dapat dilihat dalam aspek pengurusan pendapatan negeri dan kesihatan. Akan tetapi, tidak semua hal diuruskan dengan cekap. Hal ini merujuk kepada fungsi Penasihat Kewangan yang terlalu memfokuskan aspek pendapatan hingga mengabaikan aspek pengurusan perbelanjaan. Pendekatan oleh Penasihat Kewangan sejak zaman naungan Siam hingga British di Perlis berperanan besar dalam memastikan negeri tersebut berjaya membayar hutangnya. Aspek ekonomi yang diberi tumpuan oleh kerajaan Perlis ialah kastam, monopoli candu serta tanah dan galian. Daripada ketiga-tiganya, candu memberi pulangan paling tinggi. Namun, golongan yang terlibat dalam sektor tersebut bukanlah terdiri daripada penduduk tempatan. Malah, penduduk tempatan yakni orang Melayu terus terpinggir dalam aktiviti ekonomi pertanian yang tidak begitu memberangsangkan.

Agenda gerakan pemisahan di Perlis tergugat berikutan Zaman Pendudukan Jepun. Gerakan pemisahan sebelum ini yang bermatlamat mengawasi hal ehwal pewaris takhta turut terkesan. Urus tadbir negeri yang sistematik oleh pemerintah Perlis juga mengalami kemerosotan. Kemuncaknya terjadi dengan pelantikan Syed Hamzah sebagai Raja Perlis. Apabila Jepun menduduki Perlis, keadaan semakin meruncing dengan inflasi yang tinggi dan catuan makanan di seluruh negeri. Walaupun selepas kekalahan Jepun, gerakan pemisahan pasca Perang Dunia Kedua bukan lagi menekankan pada menghalang pengaruh Kedah, akan tetapi pentadbir Perlis berjuang untuk kedudukan masing-masing terutama para pembesar.

Akhirnya, kejayaan pemerintah Perlis memisahkan pengaruh Kedah di negeri tersebut telah membentuk sebuah kerajaan berdaulat. Ia wujud dari satu gerakan berpanjangan dan proses pemisahan tersebut mengambil masa yang lama melalui peranan besar pihak luar. Hasil daripada gerakan yang memakan masa berdekad-dekad tersebut meninggalkan pelbagai kesan dalam aspek politik dan sosioekonomi. Pemisahan Perlis daripada Kedah yang menjadi agenda perjuangan pemerintah Perlis hanyalah melibatkan aspek politik sahaja. “Hubungan” di antara Kedah - Perlis tidak pernah terpisah. Kelestarian tersebut dibentuk melalui ikatan baru dan diperbaharui dari semasa ke semasa. Malahan, jika diperhatikan kerjasama dan hubungan kedua-duanya terus berlanjutan pasca kemerdekaan apabila Perlis menganggotai negeri-negeri Melayu lain bersama-sama membentuk persekutuan. Aspek bayangan Kedah terhadap Perlis begitu nyata dan dizahirkan melalui tindakan pemerintah Perlis sepanjang gerakan pemisahan mereka sehingga ia benar-benar tamat pada tahun 1945.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus dari mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

RUJUKAN

- Abdullah Zakaria Ghazali, Mardiana Nordin (Eds.), (2012). *Kedah: Warisan dan Sejarah*. Kuala Lumpur: United Selangor Press.
- Ahmad Ismail, & Yazid Mat. (1992). *Perlis Indera Kayangan: Sejarah Pembentukan Sebuah Negeri Berdaulat*. Kangar: Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis.
- Ahmad Ismail, & Yazid Mat. (1992). *Perlis Indera Kayangan: Sejarah Pembentukan Sebuah Negeri Berdaulat*, hlm. 67. Kangar, Perlis Indera Kayangan: Perpustakaan Awam Negeri Perlis.
- Ahmad Ismail. (1942). *Seri Indra Kayangan, Sejarah Negeri Perlis, 1361 Masihi [Tidak diterbitkan]*. Koleksi Indera Kayangan, Perpustakaan Awam Negeri Perlis.
- Andaya, B. W., & Andaya, L. Y. (1983). *Sejarah Malaysia*. Kuala Lumpur: Macmillan Publisher.
- Anonymous. (1935). LOP A.P No. 591/1353 28.01.1935, Ask for Approval to Obtain a Surveyor for Six Months from Kedah to Start the Work on The Kuala Perlis Road.
- Anonymous. (1963, November 12). Salasilah Perlis. *Salasilah Perlis, Naskah Dewan Bahasa dan Pustaka*. Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Arba'iyah Mohd Noor, & Mohd Firdaus Abdullah. (2021). Reign of Raja Syed Alwi IBN Syed Safi Jamalullail in Perlis (1905-1943): Modernisation and Socioeconomic Development. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 48 (3), 127-152.
- Arkib Negara Malaysia. (1905, Februari 4). [Surat Wan Hajar kepada Putera Damrong], Menteri Dalam Negeri, 29 Zulkaedah 1322H (4 Februari 1905). *Surat Menyurat Sultan Abdul Halim (SMSAH)*. Menteri Dalam Negeri.
- Azwan Ahmad. (2016). Transformasi dan Dinamika Politik Elit Perlis, Kurun Ke-19 Sehingga 1970-an. [Tesis Kedoktoran, Universiti Sains Malaysia].
- Beran, H. (1984). A Liberal Theory of Secession. *Political Studies*, 32(1), 21-31.
- Bonney, R. (1971). *Kedah, 1771-1812; the search for security and independence*. Retrieved from Internet Archive: <https://archive.org/details/kedah17711812sea0000bonn/page/n5/mode/2up>
- Burney Papers. (1971). Burney Papers. II (IV), p. 182.
- Buyong Adil. (1980). *Sejarah Kedah*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Retrieved from archive.org: <https://archive.org/details/sejarahkedah/page/n1/mode/2up>
- Buyong Adil. (2019). *Sejarah Perlis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chandran, J. (1971). Perjanjian Antara Inggeris dengan Siam serta Latar Belakangnya . *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* , 01, 4-13.
- Colonial Office. (1905-1906). *CO 716 Kedah Annual Report, September 1905 to August 1906*, hlm. 9.
- Colonial Office. (1905, September 30). Paget to Grey 30.9.1905, CO 273 315/40067.
- Colonial Office. (1907). CO 273/333 British Consulate Kedah 17.7.1907 [Pelantikan Medows Frost].
- Colonial Office. (1909). CO 716 Kedah Annual Report 1327 (23 Januari 1909 – 12 Januari 1910) hlm. 9.
- Colonial Office. (1910). *CO 716 Annual Report of Perlis Government*.
- Colonial Office. (1923, November 1). CO 717/27 Guillermand to Tengku Ibrahim.
- Colonial Office. (1935, Januari 23). CO 717 107/33411 Shenton Thomas kepada Cunliffe-Lister .
- Colonial Office. (n.d). CO 717 107/33411 Caldecott to Cunliffe-Lister.
- Emerson, R. (1987). *Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ervin, S. J. (1970). Separation of Power: Judicial Independence. *Law and Contemporary Problems*, 6(1), p. 108.
- Gullick, J. M. (1969). *Indigenous Political Systems of Western Malaya*. London: The Athlone Press.

- Hammer, J., & Allen. (1929, September 22). Notes on The Perlis Treaty. *Koleksi John Hamer, Allen to McKerton 22 September 1929*.
- Hazman Hassan, & Mohd Kasturi Nor Abd Aziz. (2020). *Salasilah Perlis: Asal-usul Pemerintahan Jamalullail*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Heraclides, A. (1992). Secession, Self-Determination and Non-Intervention: In Quest of a Normative Symbiosis. *Journal of International Affairs*, 45, 399-420.
- Hussain Baba Mohamad. (1969). Sejarah Negeri dan Raja2 Perlis. *Journal of Malaysian Branch of Royal Asiatic Society*, XLII (2).
- Julie Tang Su Chin. (2002). *Sejarah Kerajaan Perlis 1841-1957*. Malaysian Branch of Asiatic Society Monograph.
- Karupiah, R., & Ken, D. T. (2019). The Muslim Moro Conflict In Southern Philippines: Effects On Philippines-Malaysia Bilateral Ties, 1970-2010. *JATI-Journal of Southeast Asian Studies*, 24(2), 109-130.
- Karupiah, R., & Mohd Firdaus Abdullah. (2022). Tuntutan Filipina Ke Atas Sabah Kepada Malaysia, 1962–2010: Analisis Dari Perspektif Filipina ke atas Sabah kepada Malaysia, 1962-2010: Analisis dari Perspektif Filipina. *AKADEMIKA: Journal of Southeast Asia Social Sciences and Humanities*, Vol. 92(2), 92(2).
- Kedah/Perlis Medical and Sanitary Board. (1926-1938). *Report of Kedah/Perlis Medical and Sanitary Board for The Year 1926 - 1938*.
- Kedah/Perlis Medical and Sanitary Board. (1926). *Fail Report of Kedah/Perlis Medical and Sanitary Board for The Year 1926*.
- Kedah/Perlis Medical and Sanitary Board. (1937). *Fail Report of Kedah/Perlis Medical and Sanitary Board for The Year 1937*.
- M. Isa Sulaiman. (2000). *Aceh Merdeka Ideologi, Kepemimpinan dan Gerakan*. Jakarta: Pustaka AlKausar.
- Mahani Musa. (2007). *Malay Societies in The Northern Malay States, 1821-1940s [MBRAS Monograph]*. Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Mardiana Nordin. (2012). Salasilah atau Tarikh Kerajaan Kedah: Sebuah Naskah Pensejarahan Ekonomi dan Pentadbiran Negeri Kedah Abad Ke-19 dan Awal Abad Ke-20. In Abdullah Zakaria Ghazali, & Mardiana Nordin, *Kedah: Sejarah dan Warisan* (pp. 121-122). Kuala Lumpur: United Selangor Press.
- Maxwell, W. G., & Gibson, W. S. (1924). *Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo*. Suffolk Lane: JAS Truscott & Son. Ltd.
- Mohd Firdaus Abdullah, & Arba'iyah Mohd Noor. (2018). Kerjasama Kedah dan Perlis dalam Pembangunan Sistem Bekalan Air Domestik di Negeri Perlis, 1969-1978. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 45 (1), 56-78.
- Mohd Firdaus Abdullah, & Arba'iyah Mohd Noor. (2019). The 20th Century Domestic Water Supply in Alor Setar, Kedah. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 46(2), 240-271.
- Mohd Firdaus Abdullah, & Arba'iyah Mohd Noor. (2020). Pembangunan Bekalan Air Domestik di Negeri Kedah, 1957-1992. *Kajian Malaysia*, 38(9(1)), 89-113.
- Mohd Firdaus Abdullah, & Zaiton Zakarya. (2022, June). Politik Air di Negeri Perlis dalam Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 (The Water Politic in the State of Perlis in the 14th General Election (GE)). *SEJARAH: Journal of the Department of History*, 31(1) (June), 140, 31 (1), 140.
- Mohd Firdaus Abdullah. (2021). "If You Can Control Water, You Can Control Everything": Pembangunan Sumber Air Mentah di Negeri Kedah, 1957-1992,. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 5 (1), 1-24.
- Mohd Isa Othman. (1990). *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Isa Othman. (2001a). *Pengalaman Kedah & Perlis: Zaman Penjajahan British*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Mohd Isa Othman. (2001b). *Zaman Penjajahan British: Pengalaman Kedah Perlis*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

- Mohd Isa Othman. (2007). *Sejarah Malaysia 1800-1963*. Kuala Lumpur: Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Mohd Izwan Izhar Haris, Abdul Rahman Abdul Manaf, & Mohd Kasturi Nor Abdul Aziz. (2016). "Hubungan Serumpun Perlis – Setul: Analisis dari Konteks Warisan dan Budaya". *Seminar Antarabangsa Sejarah Lisan 2016 Dari Perspektif Sejarah*. Pak Bara, Satun, .
- Mohd Noordin Sopiee. (1973). The Penang Secession Movement, 1948-1951. *Journal of Southeast Asian Studies*, 4(1), 52-71.
- Mohd Zamberi A. Malek. (1993). *Umat Islam Patani: Sejarah dan Politik*. Shah Alam: Penerbit HIZBI.
- Mss md. Ocn. S 316 Box 1, File 2. (1905, Oktober 4). "Article IV", "Contract", "Relations with Siam 1905-1909",. *Papers of John Hamer*.
- Muhammad Hassan , D. (2018). *At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* . Jitra, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Muhammad Safwan Mohd A'seri. (2014). Perlis dalam Teks-teks Melayu: Suatu Penelitian Awal. *Prosiding Seminar Institusi Raja: Seminar Raja dan Kerajaan Perlis*. Universiti Malaysia Perlis.
- Nik Anuar Nik Mahmud. (1994). Sejarah Penggarisan dan Penetapan Sempadan Negeri-negeri Melayu Utara dengan Siam, 1907-1912. *Malaysia Dari Segi Sejarah*, 22, 109.
- Omar Yaacob. (1993). Sheikh Ahmad Mohd. Hashim: Pelopor Pembangunan Perlis. *Jurnal Warisan Indera Kayangan*(5).
- Perlis Annual Report. (1909-1910).
- Richard, W. (. (1923). *Malaya: The Straits Settlements and The Federated and Unfederated Malay States*. London: Constable & Co. Ltd.
- Shamsuddin Muhammad Yusof. (1999). Sejarah Ringkas Perkembangan Kerajaan dan Pentadbiran Negeri Kedah Darul Aman. Dalam Mazizah Md Darus, Zahidi Zainol (Eds), *Dari Pulau Adang ke Pulau Tiga : kumpulan artikel tokoh sejarah Kedah*. Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darul Aman.
- Sharom Ahmat. (1957). Kedah-Siam relations 1821-1905. *The Journal of the Siam Society*, 97-112.
- Sharom Ahmat. (1984). *Tradition and Change in A Malay State: A Study of Economic and Political Development of Kedah 1878-1923 (MBRAS Monograph)*. Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Smith, N. N., & Smith, R. B. (2019). Has Thailand Learnt Any Lessons From The Bowring Treaty and Treaty of Amity. *Athens Journal of Law*, 5(4), 405-418.
- Suwannathat-Pian, K. (1982). Kedah-Siamese Correspondence 1890-1898. *Journal of Malaysian Branch of Royal Asiatic Society*, 55(2), 71.
- Suwannathat-Pian, K. (1988). *Thai-Malay Relations: Traditional Intra-regional Relations from the Seventeenth to the Early Twentieth Centuries*. Singapore: Oxford University Press.
- Wood, J. R. (1981). A Comparative Analytical Framework. *Canadian Journal of Political Science*, 14 (1), 110.